



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA



## KENYATAAN MEDIA TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

---

### KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA DAN OPERASI KHAS SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA 2023/1444H

**Gombak, 26 Jun 2023** - Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia sentiasa meneruskan usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya khususnya di musim perayaan. Pada hari ini, Kerajaan melaksanakan **Kempen Keselamatan Jalan Raya dan Operasi Khas Hari Raya Aidiladha 2023** bagi meneruskan advokasi dan penguatkuasaan undang-undang jalan raya bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidiladha Tahun 2023/ 1444H.

Kempen dan Operasi Khas HRAA yang diadakan ini adalah berikutan kepada peningkatan pergerakan kenderaan yang tinggi akan menyebabkan aliran trafik menjadi berat dan perlahan ekoran perjalanan pulang warga kota ke kampung halaman masing-masing. Situasi tersebut adalah kerana cuti perayaan yang bersambung dengan cuti hujung minggu merupakan peluang berharga untuk bersama keluarga dalam tempoh lebih lama.

Kempen Keselamatan Jalan Raya Hari Raya Aidiladha pada kali ini adalah memfokuskan kepada kepentingan **pemasangan kerusi keselamatan kanak-kanak** ataupun disebut juga sebagai **Child Restraint System (CRS)** merupakan kerusi yang direka khas untuk kanak-kanak duduk di dalam kenderaan. Hal ini adalah merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh pihak PDRM sebanyak 1,252 kes kematian yang melibatkan kanak-kanak berusia 10 tahun dan kebawah dicatatkan dari tahun 2012 sehingga 2021.

Menyedari kepada senario itu, JPJ mengambil serius isu tersebut yang perlu ditangani dan penguatkuasaan dijalankan secara **advokasi** kepada pemandu yang didapati tidak meletakkan kanak-kanak di dalam kerusi keselamatan.

Oleh itu, sasaran utama kempen pada kali ini adalah lebih tertumpu kepada **keluarga yang mempunyai kanak-kanak** memandangkan kempen ini memfokuskan kepada kerusi keselamatan kanak-kanak dan juga pemakaian tali pinggang keledar.

Dalam hubungan ini, Kerajaan ingin menyeru bahawa pemilihan dan pembelian kerusi keselamatan kanak-kanak haruslah **mematuhi piawaian ISO** seperti yang telah ditetapkan. Hal ini demikian kerana aksesori itu membantu kanak-kanak semasa berlakunya pelanggaran dengan cara **mengurangkan risiko kecederaan** yang mungkin berlaku sekiranya berlaku kemalangan.

Kerajaan berharap kempen pada kali ini dapat memberi **kesedaran** khususnya kepada ibu bapa yang mempunyai anak kecil tentang betapa pentingnya penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak tanpa mengira jarak sesuatu perjalanan kepada pengguna jalan raya khususnya sekaligus dapat **mengurangkan kadar kematian** yang berpunca daripada kemalangan di negara ini.

Dalam pada itu, JPJ akan mengadakan Operasi Khas Hari Raya Aidiladha 2023 selama empat (4) hari bermula **27 hingga 28 Jun 2023 (sebelum)** dan **1 hingga 2 Julai (selepas) perayaan**. Ops Khas HRAA ini adalah bertujuan untuk memantau, mengesan dan mengambil tindakan terhadap pengguna jalan raya yang melanggar peraturan-peraturan atau undang-undang jalan raya yang berkuat kuasa.

Sehubungan dengan itu, melalui operasi ini, JPJ menjalankan aktiviti **penguatkuasaan** yang memfokuskan kepada **sembilan (9) kesalahan utama** sempena Ops Khas HRAA 2023 iaitu :

BIL	JENIS KESALAHAN
I.	Memandu melebihi had laju
II.	Gagal mematuhi peraturan lampu isyarat
III.	Memotong di garisan berkembar
IV.	Memandu kenderaan berat di lorong laju
V.	Memandu di lorong kecemasan
VI.	Memotong barisan
VII.	Tidak memakai tali pinggang atau topi keledar
VIII.	<i>Overloading</i>
IX.	Penggunaan telefon bimbit semasa memandu

Sementara itu, Ops Khas HRAA turut memfokuskan kepada **Ops Motosikal** secara bersasar kepada penunggang atau pembonceng motosikal di seluruh negara. Fokus ini adalah berdasarkan rekod kemalangan maut pengguna motosikal bagi tempoh tahun 2010-2022 adalah paling tinggi jika dibandingkan dengan pengguna kenderaan lain (melebihi 60%).

Selain itu, JPJ turut melaksanakan strategi penguatkuasaan menerusi aktiviti **penyamaran** dan **pemeriksaan bas** yang melibatkan **28 terminal** bas utama di seluruh negara bagi tujuan memastikan bas sentiasa berada dalam keadaan *road worthiness* untuk membawa para penumpang.

Menerusi Kempen dan Ops Khas ini, jelaslah bahawa pihak Kerajaan, amnya dan MOT serta JPJ, khasnya, amat serius dalam mencapai sasaran pengurangan statistik kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya **sekurang-kurangnya 50%** menjelang tahun 2030.

Pada musim perayaan ini, saya juga ingin menasihati pengguna jalan raya supaya memastikan kenderaan masing-masing telah **diselenggara** dengan baik dan selamat digunakan sebelum memulakan perjalanan. Perkara lain yang menjadi keutamaan adalah **rancang perjalanan** supaya pengguna jalan dapat menikmati perjalanan yang lebih lancar ke destinasi. Para pengguna jalan raya juga dinasihati agar mempunyai **rehat yang cukup** dan berhenti di tempat yang selamat atau kawasan Rehat dan Rawat (R&R) jika keletihan.

MOT melalui JPJ memohon pengguna jalan raya untuk sentiasa **mematuhi undang-undang** dan **peraturan jalan raya** serta bertoleransi bersama pengguna jalan raya yang lain demi keutamaan keselamatan ketika di jalan raya. Justeru itu, pengguna jalan raya juga boleh menyalurkan aduan berkaitan kesalahan jalan raya melalui **pelaporan secara terus** atau **real time** dengan menggunakan **Aplikasi MyJPJ** melalui menu **e-Aduan@jppj** atau melalui **aduan email JPJ** [aduantrafik@jppj.gov.my](mailto:aduantrafik@jppj.gov.my).

**“Pandu Cermat, Sampai Selamat”**

**DATUK HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH**  
**TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**26 JUN 2023**

**[ TAMAT ]**